

MAHATHIR-KEDIAMAN

(1)

1983

KUALA LUMPUR, 20 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD KINI BOLEH BERPINDAH KE KEDIAMAN RASMI PERDANA MENTERI YANG BARU DENGAN RESTU PARA ANGGOTA UMNO.

PARA WAKIL KE PERHIMPUNAN AGUNG UMNO HARI INI SERENTAK MENJAWAB +YA+ APABILA SOALAN SAMA ADA PERDANA MENTERI PATUT BERPINDAH KE KEDIAMAN BARU ITU DIKEMUKAKAN OLEH WAKIL KEDAH, HAJI IBRAHIM AHMAD.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERITAHU PARA WARTAWAN BARU-BARU INI BAHAWA BELIAU AKAN HANYA BERPINDAH KE RUMAH TERSEBUT, YANG SEDANG DIUBAHSUAI, SEKIRANYA MENDAPAT RESTU RAKYAT.

HAJI IBRAHIM MENGEMUKAKAN SOALAN ITU KETIKA MEMBAHASKAN USUL AGAMA.

BELIAU JUGA MENKRITIK AKHBAR THE STAR YANG KATANYA MELAGA-LAGAKAN ORANG MELAYU.

HAJI IBRAHIM MENDAKWA AKHBAR ITU MENGGUNAKAN BEKAS PERDANA MENTERI TUNKU ABDUL RAHMAN UNTUK BERSELINDUNG DALAM MENJALANKAN MUSLIHATNYA.

--BERNAMA 1906/AN